



# **JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

## **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**SEMARAKKAN KASIH SAYANG**

**Tarikh Dibaca :**

**14 Jamadilawal 1441H/**

**10 Januari 2020M**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Khutbah dan Latihan  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**SEMARAKKAN KASIH SAYANG**

10 Januari 2020M/ 14 Jamadilawal 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينَهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ تَعَالَى:

يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَادْخُلِي

جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

**Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Marilah kita memperkukuhkan takwa kepada Allah SWT dengan istiqamah menunaikan setiap perintahNya, serta sedaya upaya meninggalkan perkara yang dimurkaiNya. Semoga kita akan memperolehi rahmat Allah SWT di dunia dan akhirat.

Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “Semarakkan Kasih Sayang”.

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah**



Kita pernah digemparkan dengan berita seorang remaja perempuan berusia 16 tahun telah membunuh diri dengan terjun dari bangunan tiga tingkat. Remaja tersebut bertindak sedemikian setelah membuat undian di media sosial, di mana keputusan daripada undian tersebut 69% menyokong untuk beliau membunuh diri. Menurut siasatan polis, remaja tersebut bertindak demikian disebabkan faktor tekanan perasaan kerana tidak mendapat perhatian keluarga. Sedarlah bahawa tekanan perasaan merupakan salah satu gejala depresi yang berpunca dari masalah kemurungan (depression), kebimbangan melampau (anxiety) dan ketegangan jiwa (stress). Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017 mengenai kesihatan mental di kalangan belia menunjukkan angka yang membimbangkan apabila didapati sekurang-kurangnya 1 daripada 10 belia di negara ini pernah terfikir untuk membunuh diri. Kajian tersebut turut mendedahkan bahawa salah 1 daripada 5 remaja berasa tertekan, 2 daripada 5 berasa bimbang dan celaru dengan kehidupan. Ini memberikan isyarat yang jelas bahawa isu kesihatan mental di Malaysia terutamanya anak muda amat serius dan harus segera ditangani oleh semua pihak.

Namun, terdapat anggota masyarakat hari ini yang masih tidak mengendahkan isu besar ini. Justeru, mimbar mengingatkan semua umat Islam agar jangan mengambil sikap 'sudah terhantuk baru tengadah'. Ketidakperhatian terhadap gejala ini menyebabkan mereka yang terlibat tidak mendapat rawatan yang sewajarnya.

### **Hadirin yang dikasihi Allah,**

Kita perlu mengetahui, apakah punca-punca yang menyebabkan gejala depresi ini berlaku? Menurut pakar perubatan, terdapat 3 faktor utama yang mendorong kepada masalah ini.



## **Pertama : Faktor Biologi atau fizikal**

Sesetengah penyakit mental dikaitkan dengan ketidakseimbangan bahan kimia di dalam otak. Bahan kimia ini membolehkan sel-sel di dalam otak berhubung antara satu sama lain. Ketidakseimbangan yang berlaku akan mengganggu fungsi otak.

Genetik juga mempunyai kaitan dalam masalah ini. Sejarah ahli keluarga yang mempunyai penyakit ini turut menyumbang kepada potensi pesakit untuk menghadapi penyakit yang sama. Penyalahgunaan dadah serta pengambilan minuman beralkohol juga menjadi faktor yang menyumbang kepada hilangnya kewarasan mental manusia. Oleh kerana itu, Allah telah mengingatkan di dalam Surah Al-Maidah, ayat 90 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ

تُقْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Bermaksud : *“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”*

## **Kedua : Faktor Psikologi**

Faktor psikologi yang menyumbang kepada gangguan mental termasuk trauma akibat penderaan emosi, fizikal atau seksual. Psikologi turut terganggu apabila seseorang individu diabaikan oleh keluarga dan gagal dalam membina hubungan dengan orang lain.

## **Ketiga : Faktor Persekitaran**



Sesetengah perkara yang berlaku di sekeliling boleh merangsang penyakit mental. Ini termasuk kematian, perceraian, masalah keluarga dan tekanan dalam pembelajaran atau pekerjaan. Pandangan dan persepsi masyarakat turut menyumbang ke arah gangguan mental.

### **Muslimin yang berbahagia,**

Akal adalah anugerah Allah yang membezakan antara manusia dengan makhluk lain. Justeru, Islam memerintahkan manusia supaya sentiasa memelihara kesihatan akal dan berusaha mengembangkan potensi akal dengan cara berfikir tentang ciptaan dan kebesaran Allah SWT dengan membaca, menuntut ilmu dan sebagainya.

Beberapa langkah perlu diambil bagi memelihara kesihatan akal bagi mengelakkan gejala mental yang semakin meruncing hari ini. Antaranya:

**Pertama** : Terapkan nilai-nilai keagamaan termasuk pembentukan sahsiah murni kepada anak-anak agar mereka mempunyai jati diri yang mantap. Pepatah melayu, 'melentur buluh, biar dari rebungunya' memang tepat untuk dijadikan ingatan. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, daripada Anas bin Malik RA :

أَكْرِمُوا أَوْلَادَكُمْ وَأَحْسِنُوا أَدَبَهُمْ

Bermaksud : "Muliakanlah anak-anak kamu dan cantikkanlah budi pekerti mereka."

Justeru, ibu bapa berperanan penting bagi memastikan anak-anak mendapat didikan sempurna terutamanya didikan agama yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak.



**Kedua** : Perhebatkan kempen kesedaran mengenai kesihatan mental. Pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian yang terlibat perlu bekerjasama untuk membantu menangani masalah kesihatan mental di kalangan golongan muda. Program kempen ini boleh dimulakan di peringkat sekolah dan universiti di samping penganjuran beberapa program yang berkaitan bersama institusi masjid dan surau agar para belia dan ibu bapa memberi perhatian yang serius berkenaan gejala ini dan dapat mengelakkan ia terjebak dari peringkat awal lagi.

**Ketiga** : Lakukan perkara-perkara yang berfaedah kepada kecergasan tubuh badan seperti bersenam secara konsisten dan rehat yang cukup. Kurangkan penggunaan media sosial kerana ia akan melemahkan daya fizikal seseorang. Kata pepatah Arab, “akal yang sihat pada tubuh yang sihat” sangat benar dan relevan sepanjang masa. Ia sebuah pepatah yang sesuai dengan adab hidup Islam dalam memelihara kesihatan terutamanya kesihatan mental.

**Keempat** : Sokongan dan perhatian ahli keluarga. Seringkali seseorang merasa tersisih dan tidak dipedulikan apabila ahli keluarga tidak berinteraksi. Situasi ini berlaku apabila ahli keluarga masing-masing sibuk dengan gajet ketika berada di rumah. Justeru, kurangkanlah penggunaan gajet semasa bersama ahli keluarga. Luangkan masa yang berkualiti dengan memberikan perhatian dan berinteraksi secara fizikal.

**Saudara-saudaraku yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin menyimpulkan beberapa perkara penting sebagai renungan bersama:



**Pertama** : Gejala depresi dalam masyarakat kita hari ini sudah berada di peringkat yang membimbangkan. Semua pihak harus membuka mata dalam mencari penyelesaiannya.

**Kedua** : Kesihatan mental atau kesejahteraan akal termasuk di dalam Maqasid Syariah yang perlu dipelihara oleh umat Islam.

**Ketiga** : Hindari apa juga perkara yang boleh menjerumuskan seseorang ke dalam kancah gejala mental yang amat merbahaya ini.

Akhirnya, marilah kita hayati firman Allah SWT melalui Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Bermaksud : *Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا  
سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.





وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاچِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ،  
تُونكو (Tunku) حَاچِه عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَندَرِيَّةٌ بِنْتُ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَيَّ  
اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَندَرَ الْحَاچِ.

اللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّآلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِيْنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِ كَلِمَتَكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

رَبَّنَا اَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللّٰهِ،

اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيْتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.